

Malaysia Menduduki Tempat Ke-122 Dalam Indeks Kebebasan Akhbar 2011/2012
Bernama
21 Februari , 2012

KUALA LUMPUR, 21 Feb (Bernama) -- Malaysia memperbaiki kedudukan dengan menduduki tempat ke-122 di dalam Indeks Kebebasan Akhbar 2011/2012 yang direkodkan oleh Reporters Without Borders.

Indeks terbaru ini menunjukkan Malaysia mendahului negara-negara serantau yang lain seperti Singapura yang menduduki tempat ke-135, Thailand (137), Filipina (140) dan Indonesia (146).

Finland dan Norway bersama-sama menduduki tempat teratas dalam kajian kebebasan akhbar yang melibatkan 179 negara, diikuti Estonia dan Belanda yang terikat di tempat ketiga, manakala Austria di tempat kelima.

Menduduki tempat terbawah dalam senarai adalah Turkmenistan (177), Korea Utara (178) dan Eritrea (179) sementara Pakistan (151) merupakan negara paling bahaya bagi wartawan untuk tahun kedua berturut-turut, menurut laporan itu.

"Somalia (164), yang masih dalam kancah perang saudara selama 20 tahun, tidak menunjukkan petanda akan keluar daripada pergolakan di mana wartawan menanggung risiko tinggi untuk bertugas di negara itu," menurut laporan itu.

Jurukamera Bernama TV, Noramfaizul Mohd Nor, 39, terkorban semasa bertugas di ibu negara Somalia, Mogadishu, pada 2 Sept tahun lepas.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source:<http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=647132>